

29/08/2002

Suu Kyi disaran tinjau keadaan negara Asean

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin pembangkang Myanmar, Aung San Suu Kyi, wajar melawat negara Asean bagi melihat perkembangan semasa di rantau ini, kata wakil khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke negara itu, Tan Sri Razali Ismail.

Bagaimanapun, katanya, Asean tidak mendesak Suu Kyi berbuat demikian dan terpulanglah kepada beliau dan kerajaan Myanmar untuk membuat keputusan.

"Jika beliau mahu memainkan peranan dalam (pentadbiran) Myanmar, beliau perlu melihat kemajuan di sekelilingnya, apa masalah kita, apa kelebihan kita serta kekurangan kita," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku terbaru Presiden Just World, Dr Chandra Muzaffar, bertajuk Rights, Religion and Reform, di Kelab Diraja Selangor di sini, petang ini.

Razali diminta mengulas mengenai kedudukan pemenang Hadiah Nobel itu yang dibebaskan Mei lalu daripada tahanan dalam rumah hasil rundingan beliau dengan junta tentera Myanmar.

Suu Kyi yang memimpin kempen mewujudkan demokrasi di Myanmar sejak 1988 dan beberapa kali dihukum tahanan dalam rumah, sebelum ini bimbang beliau tidak akan dibenarkan kembali jika beliau meninggalkan Myanmar.

Mengenai pandangan negara anggota Asean berhubung lawatan Suu Kyi, Razali yang juga Penasihat Khas Perdana Menteri berkata, ia dilihat sebagai sesuatu yang positif bagi Myanmar dan negara Asean lain.

"Malah ada duta negara Asean yang sudah menemui beliau," katanya

Mengenai sebab mengapa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menemui Suu Kyi ketika lawatannya ke Myanmar baru-baru ini, beliau berkata: "Saya tidak terbabit dalam soal hubungan dua hala dan saya tidak boleh mengulas."

Sementara itu, Chandra yang ditemui pemberita kemudian berkata, beliau bimbang ramai di kalangan rakyat negara ini, khususnya golongan muda, tidak menyedari mengenai kesan globalisasi terhadap kehidupan dan masa depan mereka, termasuk kemungkinan penjajahan semula.

Katanya, keadaan ini disebabkan ramai yang masih beranggapan globalisasi tidak berkaitan dengan kehidupan mereka atau terpengaruh dengan kempen pihak yang mahu konsep itu diterima dunia.

Ditanya apakah keadaan ini juga disebabkan parti pembangkang yang menganggap amaran penjajahan semula sebagai retorik kerajaan, Chandra yang juga bekas Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) berkata: 'Inilah masalahnya'.

Buku setebal 373 muka surat itu adalah himpunan artikel yang ditulis Chandra pada tahun 1990-an dan menyentuh mengenai situasi politik dunia.